

05/10/2002

Pembinaan AIMST, pilihan raya jadi tumpuan

Magendran Rajagopal; Teh Kean Kiat

KEMELUT melingkari inisiatif MIC membina Institut Perubatan, Sains dan Teknologi Asia (AIMST) masih dibangkitkan beberapa pihak berdasarkan laporan Malaysia Namban (Namban) minggu ini sedangkan bangunan institut itu sendiri belum lagi siap.

Akhbar itu, dalam ruangan surat pembacanya, menyiarkan rasa kurang senang beberapa pembacanya mengenai tindakan MIC membuat kutipan bagi dana pembinaan AIMST sedangkan bangunan itu bukan milik MIC seperti yang diuar-uarkan.

Seorang pembaca mendedahkan bahawa mengikut hak milik institut berkenaan yang didaftarkan sebagai AIMST Sdn Bhd, dua juta saham atau 40 peratus dimiliki Abdul Rashid Abdul Manaf, Pengerusi AIMST, Datuk Dr K Ampikaipakan dan Pengerusi Biro Pendidikan MIC, Prof Dr T Marimuthu, masing-masing memiliki 1.5 juta saham, iaitu 30 peratus.

Justeru, pembaca berkenaan mempertikaikan tindakan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu, menegur anggota masyarakat India, khususnya golongan atasan, kerana tidak menyumbang kepada dana AIMST sedangkan ia belum tentu menjadi milik masyarakat India atau MIC sepenuhnya.

Satu lagi surat pembaca membangkitkan rasional Samy Vellu bahawa AIMST adalah untuk manfaat pelajar India miskin yang sesetengahnya tidak mampu membayar yuran walaupun kadar paling minimum yang dikenakan di universiti awam iaitu sekitar RM5,000 setahun.

Persoalannya sekarang ialah bagaimana mereka akan mampu membayar untuk kursus tertentu di AIMST yang rata-rata menetapkan bayaran di antara RM30,000 hingga RM230,000 bagi kursus yang ditawarkan.

Dalam perkembangan lain, Namban dan Tamil Nesan (Nesan) juga melaporkan kematian setiausaha akhbar Samy Vellu, S Ganapathy, Jumaat lalu akibat serangan angin ahmar selepas berkhidmat selama 12 tahun.

Lapor akhbar itu, jawatan setiausaha akhbar Presiden MIC itu dianggap batu loncatan untuk memasuki arena politik dan sudah ada yang mula berkempen untuk mengisi kekosongan berkenaan, terutama di kalangan anggota MIC sendiri.

Kehilangan Ganapathy jelas dirasai Samy Vellu kerana mendiang adalah penasihat rapat yang dipercayai selain sudah berkawan sejak Samy Vellu menjadi pembaca berita sambilan di RTM sekitar tahun 70-an.

Ganapathy mengambil alih jawatan setiausaha akhbar itu daripada Datuk G Palanivel yang ketika itu dipilih sebagai calon Parlimen untuk Hulu Selangor, sekali gus menyemarakkan lagi spekulasi bahawa jawatan setiausaha akhbar itu menjanjikan masa depan cerah dalam politik negara.

Dalam perkembangan lain, Nesan juga melaporkan bahawa MIC baru-baru ini menerima kemasukan lebih 3,500 ahli baru yang berketurunan India Utara dan penubuhan 40 cawangan baru untuk mereka di seluruh negara.

Samy Vellu dilaporkan berkata peristiwa itu menandakan kematangan politik di kalangan masyarakat India negara ini yang lazimnya lebih suka menjaga hal sendiri dan hanya mengehendkan pembabitan dalam bidang ekonomi saja.

Sehubungan itu, beliau meminta masyarakat India dan Punjabi supaya peka dengan perkembangan politik negara dan wajar lebih aktif berpolitik tanpa mengira etnik bangsa.

Sementara itu, pilihan raya kecil Parlimen Gaya di Sabah yang akan menyaksikan pertandingan tiga penjuror antara Barisan Nasional (BN), DAP dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) mendapat tumpuan semua akhbar

berbahasa Cina.

Khamis lalu, penganalisis semasa Nanyang Siang Pau menyifatkan peluang BN untuk menang lebih cerah berbanding parti pembangkang. Bagaimanapun, cabaran terbesar bagi BN ialah memastikan mereka mendapat majoriti besar.

Penganalisis semasa Nanyang Siang Pau, Rabu lalu, pula menyifatkan pilihan raya kecil itu satu ujian bagi Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk membantu BN memperoleh lebih banyak undi.

Menurutnya, keputusan pilihan raya itu juga boleh mencerminkan maklum balas sebahagian pengundi Sabah terhadap penyertaan PBS dalam BN.

Dalam perkembangan lain, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, dipetik ketiga-tiga akhbar berbahasa Cina, Rabu lalu, sebagai menyifatkan sekarang bukan masa sesuai untuk beliau bersara, sebaliknya beliau akan terus bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Beliau berkata, Perdana Menteri sudah mengumumkan akan bersara pada Oktober depan dan ia adalah tidak sesuai untuk beliau bersara kerana sepanjang tempoh ini, mungkin akan wujud ketidakstabilan.

"Jika pada masa akan datang, parti dan negara tidak lagi memerlukan perkhidmatan saya, saya akan bersara. Bagaimanapun, sekarang bukan masa untuk saya bersara," katanya.

Dr Lim yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, Gerakan juga berharap dapat membina sebuah universiti wawasan menjelang akhir 2003 bagi memberi peluang kepada golongan yang sudah lama bekerja mendapatkan pendidikan tinggi di universiti.

Katanya, universiti itu akan menggunakan sistem pendidikan jarak jauh (PJJ) sebagai cara pembelajaran.

Dr Lim berkata, kertas cadangan itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir pada Persidangan Perwakilan Nasional (NDC) hari ini.

Beliau berkata, pihaknya sudah mendapat sumbangan sebidang tanah di Pulau Pinang untuk dijadikan kampus utama universiti itu.